

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

PROSEDUR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

DISEDIAKAN OLEH:	DISEMAK OLEH:	DISAHKAN OLEH:
Tandatangan & Cop ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop HAJI MOHD NIZAM BIN MAHAYUDDIN SMP., AAP. Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan	Tandatangan & Cop NATAS ZALIZA BIN ZUL KIPLI, SMP., AAP Datuk Bandar Kuantan Majlis Bandaraya Kuantan
Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026	Tarikh 03.04.2026

NO. SALINAN TERKAWAL	PEMEGANG DOKUMEN (TANDATANGAN & COP RASMI)
BI 04 (02)	ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

REKOD PINDAAN

KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN	DILULUSKAN OLEH
01	04 Julai 2023	Pertukaran Datuk Bandar Kuantan	Pengurus SPAR MBK
02	03 April 2026	Mengemaskini dan menyelaraskan prosedur selaras dengan piawaian MS ISO 37001:2025.	Datuk Bandar Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Prosedur ini diwujudkan sebagai satu mekanisme dalaman bagi memudahkan warga Majlis Bandaraya Kuantan, pembekal atau mana-mana pihak luar untuk mendedahkan (memberi maklumat) salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 711) seawal mungkin dalam pengetahuan mereka dan untuk memberi perlindungan daripada tindak balas kepada warga Majlis Bandaraya Kuantan, pembekal dan pihak luar yang melaporkan dakwaan kelakuan tidak wajar (Seksyen 6 Akta 711) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- 1.2 Menangani sesuatu pendedahan dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, ianya akan diberi keutamaan mengikut sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan dan magnitud akibat atau kesan dari pendedahan ini.
- 1.3 Pelaksanaan prosedur ini sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga Majlis Bandaraya Kuantan kepada Undang-Undang, Kod Etika Kerja, Perkeliling dan Peraturan terhadap aktiviti Jabatan.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) (seterusnya akan di rujuk sebagai 'Prosedur ini') mampu bertindak sebagai sebuah

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

sistem pemberitahuan maklumat yang dapat menyumbang kepada sebuah organisasi yang lebih efektif dan efisien.

- 2.2** Prosedur ini membolehkan warga MBK, mana-mana penjawat awam (bukan warga MBK) dan orang awam ('Pemberi Maklumat') untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku dari peringkat awal kepada seseorang yang telah dilantik oleh MBK ('Pegawai Yang Dilantik') tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
- 2.3** Prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua laporan tersebut akan disiasat dengan teliti dan tindakan yang bersesuaian diambil jika perlu.
- 2.4** Melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuatnya dan melindungi maklumat peribadi beliau.
- 2.5** Berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan. Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau. Pesalah tersebut juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- 2.6** Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat ini juga bertujuan menggalakkan dan memudahkan warga kerja MBK dan mana-mana orang yang membuat pendedahan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di MBK.
- 2.7** MBK sentiasa berharap agar warga kerja MBK meletakkan nilai integriti, jujur dan amanah yang tinggi di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

3.0 RUJUKAN

- 3.1** Manual Kualiti Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR)
- 3.2** Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan
- 3.3** Mesyuarat Pengurusan
- 3.4** Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib)
1993 P.U (A) 395 / 1993
- 3.5** Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan)
1995 / P.U. (A) 329/1995
- 3.6** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 3.7** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998
- 3.8** Akta 711: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

4.0 DEFINISI

- 4.1** *Whistleblowing* merupakan satu kaedah di mana pendedahan dibuat oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1995 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan oleh warga Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

4.2 Dalam konteks Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) ini, perkataan di bawah membawa maksud seperti berikut:

- i. Agensi Penguatkuasaan
 - Ertinya merujuk kepada Akta 711, Agensi Penguatkuasaan bermaksud:
 - a) mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu Unit, Seksyen, Bahagian atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.
 - b) suatu badan yang ditubuhkan oleh Undang-Undang Persekutuan atau Undang-Undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
 - c) suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh Undang-Undang Persekutuan atau Undang-Undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- ii. Prosedur - Ertinya merujuk kepada Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat Majlis Bandaraya Kuantan.
- iii. Pemberi Maklumat - Ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar (termasuk warga Majlis Bandaraya Kuantan) kepada agensi penguatkuasaan (rujuk tafsiran “agensi penguatkuasaan” di bawah Seksyen 2, Akta 711).
- iv. Warga MBK - Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di MBK sama ada melalui lantikan tetap, sementara, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik seperti Ahli Majlis.
- v. Kelakuan Tidak Wajar (KTW) - Ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
- vi. Kesalahan Tatatertib - Ertinya apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika kerja, atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- vii. Maklumat Sulit - Ertinya merujuk kepada Akta 711, “maklumat sulit” termasuklah:
 - a) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:
 - i. seseorang pemberi maklumat
 - ii. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

telah membuat pendedahan
kelakuan tidak wajar

- b) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat
- c) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

- viii. Tindakan yang Memudaratkan
 - Ertinya merujuk kepada Akta 711 iaitu “gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas”.
- ix. Perlindungan Pemberi Maklumat
 - Ertinya perlindungan yang diberikan kepada seseorang pemberi maklumat di bawah Akta 71.
- x. Pegawai Diberi Kuasa
 - Pegawai diberi kuasa adalah pegawai dari agensi penguatkuasaan yang ditempatkan di Bahagian Integriti, Majlis Bandaraya Kuantan.
- xi. Rasuah
 - Ertinya penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- xii. Percanggahan Kepentingan - Ertinya konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas.
- xiii. Salah Guna Kuasa - Ertinya menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau kenalan.
- xiv. Kesalahan Jenayah - Ertinya apa-apa kesalahan yang dilakukan dalam badan awam yang melanggar peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

5.0 SINGKATAN

- 5.1 MBK - Majlis Bandaraya Kuantan
- 5.2 DBK - Datuk Bandar Kuantan
- 5.3 S/U - Setiausaha
- 5.4 PJ - Pengarah Jabatan
- 5.5 KB - Ketua Bahagian
- 5.6 BI - Bahagian Integriti
- 5.7 JTK - Jawatankuasa Tatakelola
- 5.8 MSSP - Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan
- 5.9 SPAR - Sistem Pengurusan Anti Rasuah
- 5.10 JMM - Jawatankuasa Menilai Maklumat

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

6.0 SKOP

6.1 Prosedur ini berhubung suatu pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat meliputi semua salah laku yang telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di MBK yang jika terbukti:

- a) Menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang; dan
- b) Menjadi suatu kesalahan tatatertib sekiranya melanggar Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021 serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur yang diterima pakai di MBK.

6.2 Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:

6.2.1 Pelanggaran Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021, mana-mana peraturan dan prosedur yang digunapakai di MBK. Antaranya seperti berikut:

- a) Pelanggaran tatakelakuan yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021;
- b) Ketidakhadiran bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab munasabah dan tidak mematuhi waktu bekerja;
- c) Tidak mengisytiharkan harta atau tidak mengemaskini pemilikan harta baru atau pelupusan harta;
- d) Menjalankan pekerjaan luar tanpa kebenaran Ketua Jabatan;

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- e) Penglibatan dalam pasaran niaga hadapan;
- f) Keluar negara tanpa kebenaran Ketua Jabatan;
- g) Menyalahgunakan atau menagih apa-apa dadah berbahaya;
- h) Mendedahkan dan menyalahgunakan maklumat sulit MBK dan kerajaan.

6.2.2 Ketirisan kewangan dan penyelewengan kewangan yang serius dalam MBK;

6.2.3 Menawar / memberi / meminta / menerima apa-apa rasuah;

6.2.4 Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan saudara;

6.2.5 Percanggahan kepentingan;

6.2.6 Penyelewengan antaranya seperti berikut:

- a) Membuat / memperakukan / mengemukakan tuntutan palsu;
- b) Penipuan dan pemalsuan;
- c) Perbelanjaan wang Majlis tanpa kelulusan MBK;
- d) Lain-lain kesalahan jenayah.

6.2.7 Bersubahat, mengarah, menasihati atau menyebabkan seseorang untuk melakukan kesalahan / mana-mana kesalahan di atas.

7.0 TANGGUNGJAWAB

7.1 Datuk Bandar Kuantan (DBK)

- a) Memastikan prosedur ini dan mekanismenya dilaksanakan secara sempurna dan menyeluruh;

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- b) Meluluskan pelantikan Ahli Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) dan Jawatankuasa Penyiasatan dalam melaksanakan tugas-tugas pengendalian, pengurusan, penilaian serta penyiasatan ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar;
- c) Menilai laporan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) serta memutuskan tindakan sewajarnya berdasarkan syor-syor yang dikemukakan jawatankuasa tersebut. Tindakan yang boleh diambil sama ada untuk siasatan, dirujuk kepada Ketua Jabatan / Bahagian / Unit untuk tindakan dalaman atau tiada siasatan (tiada asas); dan
- d) Membuat keputusan sewajarnya berdasarkan cadangan / syor laporan hasil siasatan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

Keputusan yang boleh dibuat ialah:

- i. Rujuk ke Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan tatatertib;
- ii. Dipanjangkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang seperti kes jenayah dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kes rasuah dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- iii. Dirujuk kepada Ketua Jabatan / Bahagian / Unit untuk tindakan penambahbaikan dalaman;
- iv. Tiada tindakan (NFA) (tiada keterangan atau bukti); dan / atau
- v. Lain-lain tindakan sewajarnya.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.2 Bahagian Integriti (BI)

7.2.1 Bahagian Integriti bertanggungjawab untuk menerima dan mengendalikan urusan pendedahan kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh pemberi maklumat seperti berikut:

- a) Menguruskan pelantikan Jawatankuasa Penyiasatan;
- b) Menerima dan mendaftar pendedahan kelakuan tidak wajar melalui saluran yang telah ditetapkan dalam polisi sebelum dimajukan kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat serta Jawatankuasa Penyiasatan;
- c) Memastikan kerahsiaan maklumat dan identiti Pemberi Maklumat terjamin;
- d) Mengendalikan segala surat-menyurat kepada Pemberi Maklumat berhubung status aduan;
- e) Menyelenggara rekod-rekod, laporan dan dokumen sokongan berkaitan aduan kelakuan tidak wajar yang diperolehi Pemberi Maklumat;
- f) Memaklumkan status keputusan siasatan terhadap aduan kepada Pemberi Maklumat;
- g) Menjalankan siasatan ke atas laporan salah laku dan membuat syor tindakan sewajarnya ke atas hasil siasatan salah laku untuk dibentangkan apabila dikehendaki oleh Datuk Bandar Kuantan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.3 Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM)

7.3.1 Jawatankuasa Menilai Maklumat adalah bertanggungjawab untuk perkara seperti berikut:

- a) Menilai dan membuat saringan ke atas aduan yang diterima bagi menentukan sama ada:-
 - i. Pendedahan yang dibuat berkaitan dengan pegawai dan kakitangan Majlis;
 - ii. Pendedahan kelakuan tidak wajar yang dilaporkan adalah dibawah skop prosedur, dan
 - iii. Pendedahan tersebut mempunyai asas untuk disiasat.
- b) Sekiranya aduan terhadap pegawai dan kakitangan Bahagian Integriti, jawatankuasa hendaklah memastikan pegawai dan kakitangan tersebut tidak terlibat dalam proses mengendalikan pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dan hendaklah merujuk terus kepada Datuk Bandar Kuantan;
- c) Mengemukakan laporan penilaian pendedahan dan syor kepada Datuk Bandar Kuantan sama ada aduan tersebut mempunyai asas untuk disiasat atau tidak.

7.4 Jawatankuasa Penyiasatan

7.4.1 Jawatankuasa Penyiasatan adalah terdiri daripada Pegawai Integriti atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Datuk Bandar Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

untuk menjalankan siasatan. Fungsi jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- a) Menjalankan siasatan tanpa berat sebelah dan prasangka baik apabila dikehendaki oleh Datuk Bandar Kuantan;
- b) Jawatankuasa penyiasatan dibenarkan untuk menemubual, merakam pernyataan, memperolehi dokumen atau sebarang maklumat yang diperlukan bagi tujuan kajian dan siasatan salah laku; dan
- c) Menyediakan dan menyerahkan laporan siasatan dengan cadangan / syor yang sewajarnya kepada Datuk Bandar Kuantan.

8.0 PERLINDUNGAN

8.1 Pendedahan kelakuan tidak wajar yang diterima boleh diberi perlindungan jika memenuhi perkara-perkara berikut:

- a) Identiti Pemberi Maklumat diketahui dan dapat dihubungi;
- b) Maklumat aduan tidak dedahkan kepada yang lain;
- c) Maklumat yang terkandung di dalam pendedahan kelakuan tidak wajar itu tidak terlarang di bawah undang-undang bertulis yang sedia ada iaitu Akta 711 yang memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat; dan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- d) Pendedahan dibuat dengan niat yang baik dan mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa sebahagian besar maklumat dibuat adalah benar.

8.2 Jenis-jenis perlindungan yang diberikan adalah seperti berikut:

- a) Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah;
- b) Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang dibuat seperti gangguan terhadap pekerjaan iaitu diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan atau pengambilan tindakan tatatertib dan penamatan kontrak;
- c) Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan / hubungan dengan pemberi maklumat yang mungkin berkemampuan menjadi saksi di dalam pendedahan;
- d) Sekiranya pendedahan yang diberikan diketahui umum atau pelaku, Majlis akan memberi perlindungan sewajarnya secara serta-merta supaya pemberi maklumat tidak di diskriminasi oleh pelaku atau pihak lain yang mempunyai kaitan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.3 Semua maklumat pendedahan aduan dan identiti Pemberi Maklumat akan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat 'SULIT' dan diberi perlindungan di bawah Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia.

9.0 PEMBATALAN PERLINDUNGAN

9.1 Perlindungan terhadap Pemberi Maklumat tersebut akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut:

- a) Pemberi maklumat sengaja memberi maklumat palsu atau pernyataan palsu;
- b) Pendedahan adalah remeh atau menyusahkan;
- c) Pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, mengganggu atau menjejaskan pelaksanaan dasar dan Kerajaan;
- d) Pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada buang kerja/ tindakan tatatertib yang lain;
- e) Perkara-perkara yang didedahkan di mana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
- f) Perkara-perkara yang didedahkan merupakan perkara yang berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorongi oleh agenda peribadi atau berunsur fitnah; atau
- g) Pemberi Maklumat dalam tempoh membuat pendedahan tersebut telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Prosedur ini.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

10.0 PROSEDUR PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (ADUAN)

10.1 Secara umumnya, semua pendedahan aduan mengikut prosedur ini boleh disalurkan kepada pegawai di Bahagian Integriti seperti carta alir di Jadual 1 (Lampiran 2).

10.2 Pemberi maklumat wajib membuat pendedahan kelakuan tidak wajar dengan secara jujur dan suci hati. Sebarang maklumat yang hendak dilaporkan hendaklah mengandungi butiran-butiran **(Borang Aduan – BI 02-B01)** seperti berikut:

- a) Keterangan berhubung salah laku dan identiti pihak yang terlibat serta maklumat-maklumat saksi (jika ada);
- b) Keterangan berhubung bagaimana salah laku dilakukan beserta tempat, tarikh dan masa kejadian;
- c) Keterangan yang berkaitan sama ada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh dijadikan bukti; dan
- d) Butir-butir pemberi maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklum balas.

10.3 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan kelakuan tidak wajar boleh menyalurkan aduan melalui kaedah berikut:

- a) Hadir sendiri › Berjumpa dengan Pegawai di Bahagian Integriti.
- b) E-mel › aduanintegriti@mbk.gov.my

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

c) Surat Aduan › Bahagian Integriti

Majlis Bandaraya Kuantan

Jalan Tanah Putih

25100 Kuantan

Pahang Darul Makmur

d) Hubungi talian › 09 5121 555 / 666 samb. 7630

10.4 Berhubung aduan yang dibuat secara bersemuka, pegawai di Bahagian Integriti akan mengendalikan pendedahan tersebut secara bertulis dan Pemberi Maklumat akan mengesahkannya. Sejauh mana yang boleh dipratikkan secara munasabah, pendedahan tersebut akan dibuat di mana-mana lokasi yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh pegawai di Bahagian Integriti.

10.5 Berhubung pendedahan yang dibuat secara e-mel, sistem aduan integriti dan surat, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan oleh pegawai di Bahagian Integriti sahaja.

10.6 Sebarang laporan pendedahan kelakuan tidak wajar hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Laporan tersebut hendaklah berdasarkan kepada fakta dan tidak bersifat spekulatif.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

10.7 Sekiranya laporan pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat terhadap mana-mana Ahli Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) atau Pegawai di Bahagian Integriti maka ahli atau pegawai di Bahagian Integriti tidak boleh turut sama melibatkan diri di dalam keseluruhan proses yang dinyatakan di dalam prosedur ini atau membuat apa-apa tindakan atau keputusan laporan tersebut. Apa-apa tugas dan tanggungjawab ahli atau pegawai tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain yang terkanan.

11.0 PEMATUHAN PROSEDUR

11.1 Prosedur ini wajib dipatuhi semua warga kerja MBK. Pelaksanaan prosedur ini berbentuk “internal declaration” dan dibacakan bersekali dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang sedang berkuatkuasa.

12.0 PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

12.1 Prosedur ini terpakai kepada semua kakitangan, pegawai dan pihak pengurusan dalam MBK.

12.2 Prosedur ini hendaklah dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021 serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur MBK serta undang-undang di Malaysia.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

12.3 Apa-apa terma dan peruntukan dalam prosedur yang tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan prosedur ini.

12.4 Prosedur ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, pelapor juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasa undang-undang di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada pelapor.

12.5 Prosedur ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:

- a) Laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
- b) Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan yang lain sepertinya;
- c) Laporan yang mempersoalkan merit dasar Kerajaan atau MBK; dan
- d) Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pemberi Maklumat, identiti Pemberi Maklumat tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 04
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas laporan salah laku sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

13.0 TARIKH KUATKUASA

13.1 Pelaksanaan Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing)

Majlis Bandaraya Kuantan berkuatkuasa mulai tarikh prosedur ini dikeluarkan. Majlis Bandaraya Kuantan mempunyai hak untuk meminda prosedur ini dari masa ke semasa.

14.0 LAMPIRAN

14.1 Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021

14.2 Jadual 1: Carta ALir Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing)

14.3 Borang Aduan – **BI 02-B01**

-TAMAT-

JADUAL 1
CARTA ALIR ADUAN PROSEDUR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

